

“ISLAM WASATIYYAH: PENGALAMAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM”

Dr Azme bin Haji Matali

Dekan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Negara Brunei Darussalam.

Disampaikan pada Seminar Internasional “Wasatiyah Islam on Southeast Asia”, 13 Juni 2015

1.0. Pendahuluan

Kertas kerja ini mengandungi beberapa elemen penting untuk dibahaskan yang mana berkaitan dengan tajuk utama iaitu, “Islam Wasatiyyah: Pengalaman Negara Brunei Darussalam”. Antara elemen penting yang dimaksudkan ialah: Islam di Negara Brunei Darussalam, Penghayatan Prinsip Islam Wasatiyyah dalam Membangun Negara Brunei Darussalam dan Pengaplikasian Islam Wasatiyyah dalam Masyarakat Brunei.

2.0. Islam di Negara Brunei Darussalam

2.1. Brunei Darussalam

Perkataan ‘Brunei’ ialah nama baharu bagi sebuah kerajaan tua di Kepulauan Melayu yang dikenali sebagai Puni atau Puli yang berpusat di suatu tempat bergelar ‘Garang’ di Temburong, Brunei Darussalam, iaitu sesudah pusat Kerajaan ‘Brunei Tua’ itu dipindahkan dari ‘Garang’ di Daerah Temburong ke ‘Kota Batu’. Perpindahan itu berlaku dianggarkan sebelum atau sekitar tahun 1397. Perkataan ‘Brunei’ itu dipakai sebagai lambang kegagahan orang Brunei yang mengusai lautan.

Antara bukti wujudnya Pusat Pemerintahan Kerajaan Brunei Tua (Puni) di Temburong ialah di sana masih terdapat sebuah kampong bernama Puni, dan di daerah itu di suatu tempat yang dinamakan ‘Garang’. Terdapat bekas tiang rumah-rumah lama di pecahan-pecahan tembikar, bekas penduduk diam di sana sebagai kesan sejarah yang boleh merujuk wujudnya Kerajaan Brunei Tua itu.

Manakala perkataan ‘Darussalam’ ialah salah satu daripada nama syurga. Dalam al-Quran, surah al-An’am: 127, Allah *Subhanahu wa Ta’ala* berfirman:

لَهُمْ دَارُ السَّلَمِ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَهُوَ وَلِيُّهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Mahfumnya:

(*Bagi mereka adalah (syurga) Darussalam (negara yang aman sejahtera) di sisi Tuhan mereka dan Dialah penolong mereka dengan sebab apa yang mereka amalkan*).

Allah *Subhanahu wa Ta’ala* juga berfirman dalam surah Yunus: 25.

وَاللَّهُ يَدْعُوا إِلَى دَارِ السَّلَمِ وَيَهْدِي مَن يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Mahfumnya:

(*Dan Allah menyeru kepada (syurga) Darussalam negara selamat, dan Dia akan memberi petunjuk barang siapa yang Dia kehendaki kepada jalan yang lurus*).

Penggunaan perkataan ‘Darussalam’ sesudah perkataan ‘Brunei itu merupakan suatu doa dan tabarruk agar Brunei berserta dengan isi di dalamnya sentiasa menikmati keadaan aman sejahtera selama-lamanya. Aamiin.

2.2. Sejarah Kedatangan Islam Ke Negara Brunei Darussalam dan Perkembangannya

Islam telah masuk di Brunei Darussalam dianggarkan pada abad ke-13 Masihi, iaitu semasa Awang Alak Betatar memeluk agama Islam dan bergelar Sultan Muhammad Shah pada tahun 1368 Masihi. Terdapat bukti bahawa Islam telah berada di Brunei Darussalam sebelum tarikh tersebut. Misalnya dengan menjumpai batu nisan seorang China yang beragama Islam dengan catatan tahun 1264 Masihi.

Keislaman Baginda telah diikuti oleh keluarga diraja, pembesar-pembesar Negara dan sebilangan besar rakyat jelata terutama yang tinggal di ibu kota dan kawasan-kawasan di sekitarnya.

Islam terus berkembang selepas Sultan Muhammad Shah mangkat, khasnya setelah Sharif Ali diangkat menjadi Sultan Brunei ketiga. Baginda dikatakan daripada keturunan Saiyidina Hassan, cucu Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*, berasal dari Ta'if. Sebagai seorang ulama, Baginda menyedari kewajipan dakwah ke atas setiap individu Muslim, dan kepentingannya kepada kesejahteraan ummah dan kekuahan Negara. Dengan yang demikian, Baginda telah mempertingkatkan gerakan dakwah kepada orang Islam dan juga kepada orang yang bukan beragama Islam. Bahkan Baginda bukan sahaja berusaha mengislamkan seluruh penduduk Brunei, malahan Baginda telah pergi ke Jawa untuk mengislamkan Raja Mahapahit yang bernama Perabu Angka Wujaya.

2.3. Zaman Kegemilangan Kesultanan Brunei Dalam Pembangunan dan Pentadbiran Islam

Sultan Sharif Ali (1425m – 1432 m)

Gerakan dakwah dan pengaruh Islam berkembang pesat apabila Sharif Ali yang dikatakan berasal dari keturunan Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* melalui Saidina Hassan atau Saidina Hussain, tetapi banyak keterangan yang menguatkan bahawa ia dari Saidina Hussain. Beliau datang bersama seorang sahabatnya bernama Sayid Alwi Ba-Faqih (terkenal dengan nama Sharif Muafaqih). Peranan yang dimainkan oleh Sharif Ali ini ialah berdakwah dan setelah Berjaya menyebarluaskan Islam, beliau berkahwin dengan puteri Sultan Ahmad bernama Puteri Ratna Kesuma. Setelah Sultan Ahmad mangkat, Sharif Ali atas sokongan orang ramai mengambil alih takhta sebagai sultan yang bergelar Sultan Sharif Ali, memandangkan al-marhum Sultan Ahmad tidak

memiliki putera. Peristiwa ini berlaku dianggarkan dalam lingkungan sebelum tahun 1426m kerana menurut catatan China, selepas tahun 1425m itu, hubungan di antara China dengan Puni (Brunei) semakin renggang dan akhirnya putus. Kemungkinan hal ini berlaku disebabkan pertukaran polisi luar negaranya yang tersendiri.

Sultan Sharif Ali (Sultan Brunei III) dikatakan seorang sultan yang kuat beribadat dan mempunyai berkat, sehingga baginda termasyhur dengan gelaran ‘Sultan Berkat’. Bagindalah yang mula-mula mendirikan masjid, mengatur dan menguatkan pertahanan negara dengan mengarahkan rakyat membina Kota Batu. Sumbangan baginda ini adalah sebagai manifestasi syiar Islam. Baginda jugalah yang menjadi imam dan membaca khutbah. Ini bermakna baginda itu bukan sahaja bertindak selaku pemerintah, tetapi secara langsung berdakwah dan menyampaikan ajaran Islam itu kepada penduduk tempatan.

Dikatakan bahawa di antara peninggalan yang diwariskan oleh Sultan Sharif Ali terhadap generasi Brunei berikutnya ialah penciptaan sebuah panji-panji yang mempunyai 3 sayap dan di atasnya terletak tunggul alam bernaga sebagai lambing kebesaran Islam. Di antara tafsiran yang dibuat mengenainya ialah sayap yang tiga itu mengandungi maksud Iman, Islam dan Ihsan. Sementara tunggul alam bernaga ialah lambang kekuasaan sultan yang menjalankan perintah Allah *Ta’ala*.

Sultan Omar Ali Saifuddin III (1950m – 1967m)

Apabila Sultan Omar Ali Saifuddin menaiki takhta pada 6 Jun 1950 masih, maka bermulalah era baru dalam pembangunan Brunei. Baginda telah merintis perkembangan Brunei dengan membuat beberapa perubahan besar dalam pentadbiran Islam. Pendidikan agama disusun semula, gerakan dakwah dipergiat, pembinaan masjid diperbanyakkan dan ajaran Islam diusahakan untuk dilaksanakan dalam semua bidang kehidupan termasuk penggubalan Perlembagaan Brunei pada tahun 1959 yang meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi, penubuhan Jabatan Hal Ehwal Ugama pada 1954 dan penubuhan Majlis Ugama Islam pada 1955, Majlis Syariah pada 1954, Adat Istiadat dan Kebajikan Masyarakat 1954, mendirikan institusi pelajaran agama bagi semua peringkat masyarakat Islam termasuk membangunkan Sekolah Arab Lelaki dan Perempuan dan banyak lagi sehingga Baginda digelar sebagai ‘Arkitek Brunei Moden’.

Berkenaan dengan penubuhan Majlis Ugama Islam, suatu undang-undang telah digubal untuk menyatakan Undang-undang Adat Istiadat Melayu, Mahkamah kadi, Perlembagaan dan Pertubuhan pihak-pihak yang berkuasa dalam agama dan peraturan hal ehwal ugama. Kedudukan Majlis Ugama Islam ini adalah tinggi dan mempunyai status dan kehormatan yang tersendiri, di samping mempunyai kuasa dan wibawa yang besar dalam membuat dan menentukan dasar mengenai masalah kegamaan dan pentadbiran di negara ini. Tugas dan peranan utama Majlis Ugama Islam ialah membantu dan menasihatkan sultan segala yang berkaitan dengan agama Islam.

Sultan Haji Hassanal Bolkiah (1968m – sehingga masa kini)

Baginda menaiki takhta pada 4 Oktober 1968 menggantikan ayahandanya dengan meneruskan usaha-usaha terhadap perkembangan Islam yang sedia ada sebelum itu. Pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengembangkan Islam dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada berkaitan dengan akidah maupun muamalah, feqah, ibadah, perundangan, pendidikan termasuklah juga dakwah kepada orang bukan Islam.

Di dalam titah pemasyhuran kemerdekaan Brunei Darussalam pada pagi 1 Januari 1984, Baginda telah bertitah menjadikan ‘Melayu Islam Beraja’ (MIB) sebagai falsafah dan dasar negara menurut fahaman Ahli Sunnah Waljama’ah. Pada zaman pemerintahan Baginda ini, tahap pelajaran agama telah ditingkatkan hingga ke peringkat menengah dan tinggi seperti membina Maktab Perguruan Ugama, membina Ma’had Islam Tutong, membina Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam, membina Universiti Brunei Darussalam yang di dalamnya juga terdapat Fakulti Pengajian Islam, membina Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang mana kesemua ini menunjukkan adanya keinginan Baginda untuk melihat mutu dan tahap pelajaran agama di negara ini meningkat tinggi dari semasa ke semasa.

Bagi membolehkan institusi-institusi agama berjalan dengan licin dan sempurna sesuai dengan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi di negara ini, maka pada tahun 1986 Baginda telah menaikkan taraf Jabatan Hal Ehwal Agama Islam menjadi sebuah Kementerian yang tersendiri yang dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Agama. Baginda juga mempraktikkan muamalah secara Islam dengan memperkenankan penubuhan Bank Islam Brunei (IBB), Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), dan Takaful Islam untuk beroperasi di negara ini. Baginda juga telah mengharamkan arak di Brunei dengan sepenuhnya pada tahun 1990 yang lalu. Baginda juga memerintahkan penulisan Mushaf Brunei Darussalam dan mencetaknya sebanyak lebih 150 ribu naskhah untuk digunakan oleh umat Islam di negara ini.

3.0. Penghayatan Prinsip Islam Wasatiyyah dalam Membangun Negara Brunei Darussalam

Prinsip adalah suatu yang tidak hidup. Ianya memerlukan suatu usaha atau proses untuk melahirkan kewujudannya dalam realiti kehidupan yang boleh dirasai dan dikesan. Oleh itu konsep Wasatiyyah memerlukan orang yang menyeru dan mengajak manusia kepada kebaikan prinsip ini supaya ianya dapat mendatangkan manfaat kepada orang ramai.

Masyarakat Islam di Nusantara umumnya telah sekian lama mengamalkan konsep kesederhanaan ini dalam kehidupan mereka di pelbagai bidang. Justeru, konsep ini perlu diperluaskan dan disemarakkan lagi dalam pelbagai bidang seperti keagamaan, pendidikan, ekonomi dan pembangunan, sosio budaya dan kemasyarakatan dan lain-lain lagi.

3.1. Definisi Wasatiyyah

Dari segi Bahasa, perkataan “wasatiyyah” bererti sederhana, pertengahan, berimbang (*al-tawazun*) dan ‘adil (*al-adlu*).

Perkataan lain dalam bahasa Arab yang sama dengannya ialah “*i'tidal*” bererti tidak melampau (ketat, ekstrem), serta tidak cuai (longgar).

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah memartabatkan umat Islam sebagai “Ummatan Wasata” iaitu umat pertengahan, terpilih, adil dan cemerlang.

Dalam surah *al-Baqarah*: 143, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

وَكَذِلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أَمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

Mafhumnya:

(Dan demikianlah pula Kami jadikan kamu (wahai umat Islam) “Ummatan Wasata” (satu umat yang pilihan cemerlang dan adil) supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu....”.

Selain itu, wasatiyyah juga disebut dalam al-Quran, yang bermaksud ‘sederhana’. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah *al-Fatir*: 32.

ثُمَّ أُرْثَنَا الْكِتَبَ الَّذِينَ أُصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ مُقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرِ تِبْيَانُ اللَّهِ ذَلِكَ هُوَ أَفْضَلُ الْكُبِيرُ

Mafhumnya:

(Kemudian Kami jadikan Al-Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami; maka di antara mereka ada yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan tidak mengindahkan ajaran Al-Quran) dan di antaranya ada yang bersikap sederhana dan di antaranya pula ada yang mendahului (orang lain) dalam berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar (dari Allah semata-mata).

3.2. Perlembagaan Negara Brunei 1959

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, penghayatan wasatiyyah telah pun wujud sekian lama. Penghayatan wasatiyyah dibuktikan menerusi catatan Perlembagaan Brunei yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara yang berfahaman Ahli Sunnah Waljama'ah dan bermazhabkan Syafi'i. Hasilnya negara kita aman, pembangunan negara juga berjalan lancar, hingga rakyat negara-negara ASEAN dan antarabangsa datang berpusu-pusu mencari rezki di negara ini. Keadaan ini membuktikan kepada kita bahawa idea pertengahan (wasatiyyah) itu sudah diterima dan dihayati oleh penduduk negara ini.

Dalam bahagian (II) Bab 3 ceraian (1) mengiktiraf Islam sebagai ugama rasmi di Negara Brunei Darussalam di samping memberi kebebasan kepada agama lain untuk diamalkan secara aman dan sempurna oleh pemeluknya:

“Ugama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam adalah Ugama Islam. Tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya”.

3.3. Pemasyhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam 1984

Mengimbah kembali sejarah, Brunei sebagai sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasminya dan Ahli Sunnah Waljama’ah sebagai pegangannya. Di samping itu, akan sentiasa berusaha bagi memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebijikan serta kebahagiaan bagi rakyat Brunei juga diutamakan. Perkara ini termaktub dalam watikah kemerdekaan Negara Brunei Darussalam yang diisytiharkan oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984, berbunyi:

“...akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebijikan serta kebahagiaan bagi rakyat Beta, dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan (kukuh) wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan dari luar negeri”.

3.4. Pegangan Ahli Sunnah Waljama’ah bermazhabkan Syafi’i

Akidah Ahli Sunnah Waljama’ah sememangnya sinonim dan dominan di kalangan masyarakat Islam di rantau Asia Tenggara. Hampir keseluruhan penduduknya yang berugama Islam mengikut kefahaman akidah Ahli Sunnah Waljama’ah (ASWJ). Malah, Negara Brunei Darussalam telah memperlembagakan agama Islam sebagai agama rasmi negara menurut pegangan ASWJ (Perlembagaan Negara Brunei 1959, Bab 3, Ceraian (1).

Dalam titah Pemasyhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984 perkara tersebut sekali lagi ditegaskan oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan yang antara lain bertitah:

“Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah *Subhanahu wata’ala*, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljama’ah dan dengan berdasarkan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta keredaan Allah *Subhanahu wata’ala*”

Menurut takrif yang tercatat dalam kertas kerja Majlis Tertinggi Kebangsaan Melayu Islam Beraja mengenai Islam itu ialah:

“Agama rasmi negara adalah agama Islam menurut akidah Ahli Sunnah Waljama’ah, Mazhab Syafi’i yang dihayati menjadi cara hidup yang lengkap, sempurna dan unggul”

Ini bermakna sebarang ajaran atau fahaman selain Akidah Ahli Sunnah Waljama’ah seperti Syi’ah, Batiniyyah, Khawarij, Murji’ah, Qadiyaniyyah, Bahai dan sebagainya yang bertentangan dengan ajaran Akidah Ahli Sunnah Waljama’ah tidak boleh dibawa masuk dan disebarluaskan ke negara ini.

Sejak fahaman Ahli Sunnah Waljama’ah diamalkan dan dijadikan sebagai pegangan hidup di kalangan masyarakat Islam di negara ini, ia ternyata memberi impak yang positif yang berpanjangan dalam menyatupadukan ummah dan kestabilan negara.

Kenyataan ini telah diperakui oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan ketika bertitah dalam Majlis Istiadat Mengadap bersempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda yang ke-43 tahun di Balai Singgahsana, Istana Nurul Iman, pada 15 Julai 1989 yang antara lain berbunyi:

“ Di bidang keagamaan pula, fahaman keagamaan yang sepakat dan sealiran yang kita amalkan selama ini menurut aliran Ahli Sunnah Waljama’ah, khasnya mazhab Imam Syafi’i, telah pun terbukti berupaya menghindarkan kita dari sebarang kekecohan dan perselisihan dalam perkara-perkara keagamaan. Oleh yang demikian bagi maksud meneruskan persefahaman di kalangan sesama kita, khasnya di bidang agama, maka kesepakatan dan penyatuan mazhab agama itu mustahaklah jangan dibiarkan terjejas oleh sebarang percubaan bagi menonjolkan lain-lain fahaman atau aliran. Kerajaan beta akan terus mengambil berat dan sentiasa membuat langkah-langkah pada menjamin fahaman beragama yang sepakat dan bersatu aliran itu.”

3.5. Falsafah ‘Melayu Islam Beraja’ (MIB)

Kewujudan Falsafah ‘Melayu Islam Beraja’ (MIB) secara legalitinya lahir sejak pengisytiharan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984 dimana Baginda bertitah:

“Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah *SubhanahuWata’ala* akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljama’ah”.

Walau bagaimanapun, pada hakikatnya orang-orang Brunei secara naturinya sudah lama mengamalkan dan menghayati unsur-unsur MIB sebagai sumber kehidupan seharian iaitu sejak berabad-abad lamanya, hanya tidak diisyhtiharkan atau dirasmikan.

Setelah diadakan beberapa beberapa perbincangan dan penelitian, dengan mengambil kira kepentingan-kepentingan yang dapat mewujudkan perpaduan dan keharmonian orang Brunei dalam menuju kepada pengamalan beragama dan sistem beraja yang lebih baik dan sempurna, maka Majlis Tertinggi Kebangsaan Melayu Islam Beraja

(MTKMIB) telah bersetuju bahawa MIB itu adalah tiga unsur komponen penting atau integral yang memperakukan:

- MELAYU : Sebagai hak bangsa melayu yang terdiri dari tujuh puak jati bangsa melayu dengan nilai-nilai luhur kebudayaan melayu dan dominan menjadi sandaran kehidupan beraja, berkeluarga, bermasyarakat, berbangsa dan bernegara. (iaitu Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayaan, Murut dan Tutong).
- ISLAM : Sebagai agama rasmi Negara menurut akidah Ahli Sunnah WalJama'ah, bermazhab Syafi'i yang dihayati menjadi cara hidup yang lengkap, sempurna dan unggul.
- BERAJA: Sebagai pemerintahan beraja di mana sultan sebagai pemimpin dan penaung kepada rakyat baginda adalah memegang amanah Allah bagi menjalankan kuasa tertinggi memerintah Negara.

Lebih menarik lagi apabila kita melihat kepada falsafah ‘Melayu Islam Beraja’ (MIB) itu sendiri yang mana elemen ‘Islam’ itu tempatnya berada di tengah-tengah di antara ‘Melayu’ dan ‘Beraja’. Ini dapat ditafsirkan bahawa apa pun tafsiran tentang ‘Melayu’ dan ‘Beraja’ itu pokok pangkalnya mesti merujuk semula kepada ajaran Islam kerana ia adalah sebaik-baik tempat rujukan sepertimana Firman Allah dalam surah An-Nisa: 59.

فَإِن تَنَزَّلْ عَنْهُمْ فِي شَيْءٍ فَرْدُوْهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

Mafhumnya:

(Maka sekiranya kamu bertelingkah mengenai suatu perkara, maka kembalikan perkara itu kepada Allah (al-Qur'an) dan Rasul (Sunnahnya) sekiranya kamu benar-benar beriman dengan Allah dan Hari Akhirat).

Dalam erti kata lain, falsafah negara MIB yang kita pegang dan ikuti sekarang ini adalah berasaskan kepada penghayatan konsep wasatiyyah sebagaimana yang dikehendaki dalam Islam. Dengan penghayatan ini akan mampu merealisasikan aspirasi KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebuah ‘Negara Zikir’ yang sentiasa mengingati dan mengagungkan Allah dalam apa juga keadaan sekali pun sama ada suka atau pun duka, senang atau pun susah, supaya negara dan penduduk negara ini tetap berada di bawah naungan, kerahmatan, dan keberkatan. Firman Allah dalam surah al-A'raf: 96.

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرْبَىٰ ءَامَنُوا وَأَتَقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

Mafhumnya:

(Dan sekiranya penduduk negara itu beriman dan bertaqwa tentulah Kami bukakan kepada mereka (pintu) keberkatan (yang melimpah-limpah) dari langit dan bumi).

3.6. Gagasan ‘Negara Zikir’

Dalam konteks kelompok rakyat Brunei, terbahagi kepada dua golongan iaitu muslim dan non-muslim. Teori Perlombagaan Islam sesungguhnya mengiktiraf kewarganegaraan orang-orang bukan Islam. Pengiktirafan ini boleh dilihat umpamanya

dalam Perlembagaan Madinah. Oleh itu, orang bukan Islam pun boleh menjadi rakyat negara Islam tanpa perlu menukar agama mereka dan hak ini dilindungi oleh negara.

Maksud ‘Negara Zikir’

Dari beberapa kertas yang dibincangkan dalam Majlis Ilmu 2008 itu, terdapat takrifan ‘Negara Zikir’, antaranya adalah seperti berikut :

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz Bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam, mentakrifkan negara zikir sebagai “Negara, di mana ramai orang-orang berzikir; negara, yang sentiasa meriah dan kaya dengan zikir; negara, yang dibangun dan ditadbir dengan zikir; negara, yang dipertahanan dan dipelihara dengan zikir.”

“Negara Zikir” adalah negara yang berorientasi dan berpaksikan zikir: Siasahnya siasah zikir, ekonominya ekonomi zikir, sosialnya sosial zikir, dan pertahanannya pertahanan zikir”.

Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman Timbalan Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, berhujah bahawa, “....‘negara zikir’ itu ialah negara yang bertuhan, negara yang rakyat dan penduduknya selalu mengingat tuhan. Tuhan itu ialah Allah subhanahu wataala, bukannya tuhan dalam fahaman agama lain. Jika demikian maka ‘negara zikir’ itu ialah negara Islam yang berpegang teguh kepada ajaran Islam, mengamalkan dan menghayatinya dari segi akidah, syariah dan akhlaknya”.

Tanggungjawab Umum ‘Negara Zikir’

Sebuah ‘Negara Zikir’ hendaklah melaksanakan tanggungjawab berikut:

1. Menjamin kebajikan ke atas rakyat miskin dan fakir,
2. Menjamin keperluan asasi kehidupan manusia iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal selaras dengan ayat berikut.
3. Merapatkan jurang dan perbezaan di antara golongan kaya dan miskin melalui falsafah ekonomi berdasarkan keadilan sosial.
4. Mengutamakan hak-hak sosial lebih daripada kekayaan individu.
5. Melindungi orang yang lemah. Adalah menjadi tanggungjawab sebuah negara Islam untuk melindungi orang-orang yang miskin dan tidak berupaya dari di eksloitasi golongan yang kaya dan kuat.
6. Menyediakan pendidikan dan penjagaan kesihatan secara percuma untuk semua rakyat.
7. Bertanggungjawab memelihara kesucian dan keutuhan kerohanian rakyat dan memastikan mereka dapat menjalani kehidupan selaras dengan ajaran Islam.

Setiap penduduk di dalam sebuah negara Islam berhak mendapat keperluan asas tersebut. Tetapi jika seseorang tidak berkemampuan untuk menyediakan keperluan asas itu untuk diri dan keluarganya sendiri maka adalah menjadi tanggungjawab negara untuk memenuhi keperluan tersebut.

Biar pun Negara Brunei Darussalam akan mencapai kemajuan, kemewahan dan kemakmuran seperti yang dicanang dalam Wawasan 2035, keagungan Allah tidak akan dilupa, setiap orang akan terus mengingati dan membesarNya agar apa yang telah dikecapi tidak dicabut bahkan terus dikecapi sampai bila-bila. Dengan itu, barulah kita dapat merealisasikan maksud ‘Baldatun Tayyibatu wa Rabbun Ghafur’; negara makmur yang mendapat keampunan Allah. Itulah antara rahsia yang dapat dibongkar menerusi tafsiran konsep ‘Negara Zikir’ yang ingin kita capai.

Penghayatan konsep wasatiyyah dalam bernegara, beberapa prinsip harus disemai dalam diri setiap individu di negara ini agar subur menjadi modal insan yang berpendirian wasatiyyah untuk membangun Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah ‘Negara Zikir’ yang cemerlang, iaitu:

1. Sikap toleransi;
2. Sikap kasih mengasihi antara satu sama lain;
3. Sikap keterbukaan dalam menerima pandangan, kritikan, dan nasihat yang baik;
4. Sikap keseimbangan antara duniawi dan ukhrawi, rohani dan jasmani;
5. Sikap kecemerlangan dalam apa jua bidang yang diceburi; dan sebagainya.

4.0 Pengaplikasian Islam Wasatiyyah dalam Masyarakat Brunei

Amalan hidup berkonseptan wasatiyyah ini sangat penting. Sebelum kedatangan umat Islam, umat manusia terbahagi kepada dua golongan. Golongan pertama ialah golongan Yahudi dan Musyrikin yang cenderung kepada kepentingan duniawi dan jasmani semata-mata. Golongan kedua pula ialah dolongan Nasrani dan Sabi'in yang lebih mementingkan kerohanian sehingga mengabaikan hal-hal keduniaan. Pada zaman moden ini, timbul pula ideologi Kapitalis dan Komunis yang falsafahnya jelas mengejar kesenangan duniawi, membuang agama dan akhlak, malah membuang Tuhan sama sekali. Kesemua golongan ini datang dari satu aliran iaitu aliran ekstrem. Kita menolak aliran ini. Kita memilih kehidupan berimbang iaitu dengan mengharmonikan kepentingan urusan dunia dan akhirat, serta rohani dan jasmani seimbang, adil dan saksama. Justeru, konsep ini adalah satu keperluan dan telah diaplikasikan serta diperluaskan dalam pelbagai bidang kehidupan bermasyarakat di Brunei seperti keagamaan, pendidikan, ekonomi dan pembangunan, sosio budaya dan kemasyarakatan dan lain-lain lagi.

4.1 Keagamaan

Kerajaan telah lama memberikan perhatian kepada perkembangan ugama Islam, apabila Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien menaiki takhta kerajaan, baginda telah memberikan sumbangan besar kepada perkembangan ugama Islam, dengan meletakkan ugama Islam sebagai ugama rasmi dalam Perlembagaan Negara Brunei

1959 mengikut aliran Ahli Sunnah Waljama'ah, mazhab Syafi'i. kedudukan Islam dalam perlombagaan itu diperkuuhkan lagi oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Pemasyhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam 1984 dengan lebih jelas dan tegas, lebih bersepada dan komprehensif.

Hasilnya, kedudukan Islam itu bertambah mantap dan amalan berugama di Negara Brunei Darussalam dapat dilangsungkan dalam kesederhanaan menurut aliran Ahli Sunnah Waljama'ah dari segi akidah dan Mazhab Syafi'i dari segi fiqah. Dengan pegangan ini, umat Islam di Brunei tidak terbawa-bawa oleh pengaruh cara dan corak pemikiran dari luar, di mana amalan dan tindakan yang boleh memecahbelahkan dan menjaskan kehidupan berugama atau menggugat kestabilan masyarakat dan negara, dapat dihindari. Masyarakat yang berbilang etnik, kaum dan ugama hidup dalam harmoni.

Namun sejak akhir-akhir ini wujud pelbagai siri percubaan dari beberapa individu atau golongan tertentu yang cuba memporakperandakan fahaman yang telah lama diamalkan di negara ini dengan membawa fahaman-fahaman baru yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Waljama'ah masyarakat di Negara ini seperti fahaman Bahai, Qadiani, Al-Arqam, Batiniyyah, Wahabi dan sebagainya. Hati-hatilah dengan gerakan-gerakan ini kerana ini akan menyebabkan perpecahan ummah dan keruntuhan negara yang sudah stabil.

Semenjak tahun 1959, Jabatan Hal Ehwal Ugama dibangun sebagai Institusi Ugama yang bertindak melindungi ugama Islam dan bertanggungjawab dalam semua hal yang berkaitan dengannya di samping berperanan merancang, melaksana, menilai program dan aktiviti demi kepentingan agama Islam di negara ini yang kini dinaiktaraf menjadi sebuah badan induk bagi urusan keugamaan iaitu Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Justeru, bagi memastikan pegangan masyarakat Islam khususnya Brunei tidak terpesong atau terikut-ikut dengan akidah selain Ahli Sunnah Waljama'ah, maka Jabatan Hal Ehwal Syariah melalui Bahagian Kawalan Akidah dan Pusat Dakwah Islamiyyah ditubuhkan bagi tujuan tersebut.

4.1.1 Jabatan Hal Ehwal Syariah

Jabatan Hal Ehwal Syar'iah ditubuhkan pada 21hb. Oktober 1986 iaitu apabila Jabatan Hal Ehwal Ugama dinaiktaraf menjadi Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sejak penubuhannya, Jabatan ini telah ditadbir oleh Pengarah dan dibantu oleh Penolong Pengarah.

Bagi memantapkan lagi keberkesanan kawalan Akidah dan memelihara kesucian agama resmi negara ini selain menjadi sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam memastikan umat Islam di negara ini terus berpegang teguh kepada ugama Islam mengikut aqidah Ahli Sunnah Waljema'ah, maka pada 1hb Ogos

2006, Bahagian Kawalan Akidah diasingkan semula dari Bahagian Pengutkuasaan Agama.

Sehingga kini Jabatan Hal Ehwal Syariah mempunyai 5 bahagian dibawahnya iaitu:

- Bahagian Pentadbiran.
- Bahagian Penguatkuasaan Agama.
- Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga.
- Bahagian Kawalan Makanan Halal.
- Bahagian Kawalan Akidah

Misi

Misi Jabatan adalah Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang negara dalam bidangkuasa Jabatan Hal Ehwal Syar'iah dan meningkatkan penghayatan ajaran-ajaran Islam berdasarkan kehendak hukum Syara', Perlembagaan Negara dan Falsafah Melayu Islam Beraja.

Walaubagaimanapun pada tahun 2011 misi Jabatan telah diubahsuai yang mencakupi tugas utama semua bahagian iaitu untuk meningkatkan kesejahteraan hidup berugama kepada masyarakat melalui penghayatan ajaran Islam, pencegahan dan penguatkuasaan berdasarkan Akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah, hukum Syara' dan Undang-Undang.

Peranan yang dimainkan oleh Jabatan ini begitu penting kerana ia merupakan sebagai agensi yang merealisasikan impian dan wawasan semangat keislaman orang Brunei di mana jabatan ini berfungsi sebagai pelaksana dari segi penguatkuasaan undang-undang Islam. Jabatan Hal Ehwal Syar'iah juga dianggap sebagai agensi rasmi yang mengawasi penghayatan kepada ajaran-ajaran Islam berdasarkan hukum syarak dan perlembagaan serta Falsafah Negara Melayu Islam Beraja sebagai salah sebuah agensi yang terlibat secara langsung dalam amar ma'aruf nahi mungkar.

4.1.2 Bahagian Kawalan Akidah

Bahagian Kawalan Akidah ditubuhkan pada tahun 1994 setelah mendapat perkenan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Bahagian ini pada awalnya dikenali dengan nama Unit Kawalan Akidah dan Syariah (UKAS) yang dipertanggungjawabkan bagi mengendalikan dan menangani perkara-perkara yang berhubung dengan syariah (halal/haram) dan juga yang berhubung dengan akidah. Dengan berkuatkuasanya Akta Mahkamah Syariah Penggal 184 pada 1hb Muhamarram 1424 bersamaan 26hb Mac 2001, dalam Bab 26 akta tersebut telah menyatakan mengenai perlantikan pegawai-pegawai Penguatkuasa Agama. Maka pada 01hb Ogos 2001 Bahagian Penyiasatan dan Bahagian Kawalan Akidah telah disatukan dan dikenali dengan nama Bahagian Penguatkuasaan Agama.

Pada 1hb Ogos 2006, Seksyen Akidah, dijadikan Bahagian Kawalan Akidah dengan menyerapkan Bahagian Penyelidikan.

Bahagian Kawalan Akidah mengandungi 6 unit:

- Pentadbiran.
- Unit Tarikat dan Ilmu Kerohanian.
- Unit Penyelewengan Akidah dan Perbandingan Ugama.
- Unit Perbomohan dan Khurafat.
- Unit Penyelidikan.
- Unit Perisikan dan Pelaksanaan Operasi

Fungsi Dan Peranan

- Menjalankan Kuasa-kuasa yang diberikan oleh Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, Pindaan 1984.
- Mengawal umat Islam dari terpengaruh dengan ajaran-ajaran sesat.
- Memantau perkembangan ugama selain ugama Islam dan mengawal kegiatan dakwah di negara ini supaya tidak dipengaruhi oleh apa jua fahaman atau mazhab yang tidak bersesuaian dengan fahaman Ahli Sunnah WalJama'ah Mazhab Syafi'i.
- Memberikan cadangan/ pandangan kepada pihak yang berkenaan berhubung dengan hal ehwal aqidah.

Oleh itu, dengan adanya unit ini maka setiap pergerakan mahupun kemunculan ajaran-ajaran yang menyesatkan lagi mempengaruhi masyarakat Islam di negara ini dapat dikawal agar konsep wasatiyyah dalam agama Islam dapat dilaksanakan dengan sempurna mengikut pegangan dan fahaman Ahli Sunnah Waljama'ah.

4.1.3 Pusat Da'wah Islamiah

Penubuhan Pusat Da'wah Islamiah pada tahun 1985 adalah merupakan hasrat murni kerajaan untuk melihat institusi dakwah dapat berperanan besar dalam menggerakkan umat Islam ke arah yang lebih baik. Sesuai dengan konsep dakwah (*al-Amr Bil Ma'ruf Wan Nahy 'An al-Munkar*) iaitu menyeru kepada melakukan kebaikan dan ketaatan kepada Allah dan melarang supaya jangan melakukan kejahanan, kemungkar dan kemaksiatan.

Proses penyebaran dakwah yang berjalan dengan teratur melalui program-program dakwah yang berterusan sama ada kepada masyarakat 'Islam' mahupun kepada 'bukan Islam' telah dapat menambahkan keyakinan umat Islam dan bukan Islam dengan demikian memudahkan umat Islam menghayati dengan penuh keimanan serta membuka banyak jalan kepada orang bukan Islam untuk menganut Islam di Negara Brunei Darussalam.

Usaha-usaha penyebaran dakwah yang dilaksanakan telah memerlukhatkan hasil, bukan saja dari aspek jumlah orang-orang yang memeluk agama Islam bahkan juga dari aspek pemantapan nilai-nilai kerohanian sesuai dengan misinya iaitu menyebar luas dan memantapkan ajaran serta penghayatan ugama Islam kepada rakyat dan penduduk negara ini bagi kesejahteraan kerugama dan bernegara menurut aliran Ahli Sunnah Waljama'ah mazhab Syafi'i.

Dengan lain perkataan, kita bukan sahaja berkeinginan untuk meningkatkan kuantiti orang-orang Islam di negara ini, malahan juga ingin untuk meningkatkan kualiti keislaman mereka itu sama ada orang yang memang asalnya Islam atau pun saudara-saudara baru dalam Islam (*muallaf*) dengan mengadakan berbagai kursus, latihan, rancangan keugamaan di media massa, seminar, forum, ceramah ugama, penerbitan buku-buku dan sebagainya.

4.2 Pendidikan

Pendidikan formal di Negara Brunei Darussalam tidak hanya menjurus kepada pendidikan aliran Melayu dan Inggeris sahaja yang dikawal sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah. Pendidikan Ugama Islam juga telah diterapkan dalam sistem pendidikan di negara ini dan ianya sudah diperkenalkan sejak dari abad ke-14 oleh mubaligh-mubaligh dan juga orang-orang tempatan melalui masjid-masjid, balai-balai dan rumah-rumah persendirian.

Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah agensi rasmi kerajaan yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam hal ehwal ugama termasuklah pelaksanaan pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam. Manakala Jabatan Pengajian Islam adalah jabatan khusus yang mentadbir dan memantau perjalanan pendidikan Islam tersebut.

Ke arah pengaplikasian wasatiyyah dalam kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam di Brunei dari sudut dasar pendidikan sangat beruntung dan mempunyai banyak keistimewaan kerana Kerajaan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan perhatian yang serius tentang kebijakan dan kesejahteraan mereka terutama sekali dari segi kesihatan, pendidikan dan perlindungan.

Pendidikan adalah diberi secara percuma dari peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi. Bagi keluarga yang kurang berkemampuan pula, akan diberikan elaun pelajaran yang disalurkan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan elaun yang sama turut dihulurkan kepada anak-anak yatim yang keluarga mereka kurang berkemampuan bagi membayai kos-kos yang berkaitan dengan pendidikan.

Usaha-usaha kerajaan ini jelasnya, adalah untuk memastikan agar semua golongan terutama kanak-kanak di negara ini berpeluang mendapatkan pendidikan yang secukupnya dan mampu untuk menjadi pemimpin negara pada masa akan datang.

Selain itu, penubuhan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga mempunyai prinsip Islam wasatiyyahnya yang tersendiri di mana penubuhan IPT bukan hanya tertumpu kepada bidang agama Islam malah juga kepada IPT yang konvensional. Antara IPT yang ada pada masa ini ialah: Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) dan Institut Teknologi Brunei (ITB).

4.2.1 Pendidikan Ugama dalam SPN 21

Perkembangan pendidikan ugama di bawah kelolaan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengalami pelbagai perubahan dan perkembangan yang begitu ketara yang mana telah memberikan sumbangan besar kepada kehidupan berugama di negara ini. Pendidikan agama yang teratur dan terancang sejak lebih setengah abad yang lalu itu telah terbukti pencapaian dan kejayaannya di mana Negara Brunei Darussalam sudah mempunyai institusi pengajian ugama peringkat rendah, menengah dana tinggi iaitu dengan tertubuhnya persekolahan rendah ugama, persekolahan aliran Arab, dan dua pusat institusi pengajian tinggi Islam iaitu UNISSA dan KUPU SB, sebuah institusi pengajian al-Quran iaitu Institusi Tahfiz al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, tidak ketinggalan juga pelaksanaan Pengetahuan Ugama Islam (IRK) di persekolahan umum sebagai salah satu ma pelajaran teras dalam SPN 21.

Bermula pada tahun 2013, ‘Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012’ telah dikuatkuaskan, sebagai langkah ke arah menjadikan persekolahan ugama menjadi wajib bagi kanak-kanak yang berumur 7 tahun yang berugama Islam di Negara Brunei Darussalam. Usaha ini adalah bagi mempastikan generasi-generasi akana datang dapat melengkap dengan ilmu pengetahuan ugama yang sempurna untuk menjadi insan yang sempurna. Sebagaimana dalam titah Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Mesyuarat Khas Majlis Bencena Kebangsaan Pada 13 Julai 2009:

“...apakah kurangnya ugama Islam? Ia juga rasmi dalam Perlembagaan. Malah pada hemat beta, ia lebih patut jadi teras kerana ia adalah ugama bangsa, ugama dari Allah yang wajib dipelajari oleh seluruh orang Islam. Jika tidak dipelajari, jadi dosa kepada mereka dan jadi tanggungan kepada negara”.

4.3 Ekonomi dan Pembangunan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Pduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membawa pelbagai perkembangan dan perubahan kepada Negara Brunei Darussalam sejak baginda menaiki takhta 47 tahun yang lalu.

Sehingga ke hari ini, pelbagai kemajuan telah dicapai yang merangkumi semua aspek kehidupan berkaitan dengan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk yang bermastautin di negara ini.

Salah satu aspek yang cukup ketara ialah daripada aspek pembangunan ekonomi Negara Brunei Darussalam yang mana Kerajaan KDYMM telah melaksanakan dan menyediakan pelbagai kemudahan bagi mengembangkan lagi pembangunan ekonomi negara ini.

Dalam meningkatkan ekonomi perbankan, walaupun majoriti masyarakat negara ini beragama Islam akan tetapi konsep keadilan dan saksama perlu dititikberatkan dan seimbang dengan masyarakat yang lain agama. Sebagai contoh, penubuhan bank Islam

dan Konvensional di negara ini adalah seimbang dan beroperasi mengikut kehendak pelanggannya.

Kajian Soal selidik yang telah dijalankan kepada 33 orang pelanggan bagi tujuan mengenalpasti sebab-sebab menyertai dan tahap pengetahuan serta pemahaman mereka mengenai sistem perbankan Islam dan amalan riba yang dilaksanakan pada bulan Julai sehingga September 2013 dan kertas kerja bertajuk: "Fenomena Negara Zikir Dalam Sistem Perbankan Islam Di Brunei: Kajian Di Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Terhadap Penerimaan Masyarakat Bukan Islam", yang telah dibentangkan dalam Persidangan kebangsaan Syariah dan Undang-Undang: Ke Arah Penyempurnaan Negara Zikir, 09 – 10 April 2014. Anjuran Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA.

Hasil kertas kerja ini menunjukkan bahawa penerimaan masyarakat bukan Islam dalam produk dan perkhidmatan perbankan Islam satu pencapaian yang amat membanggakan bagi Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah 'Negara Zikir' yang mana tahap penerimaan mereka sangat baik terutama dari perspektif pengetahuan mengenai riba, sokongan kepada penyebaran maklumat kepada masyarakat dalam pelaksanaan sistem perbankan Islam, berpuas hati terhadap layanan perkhidmatan yang diberikan, pulangan yang lebih menguntungkan dan sokongan yang padu bahawa sistem perbankan Islam mampu menjadi satu alternatif kepada sistem perbankan Konvensional.

Oleh itu, hasil kajian dari cabang ilmu muamalat melalui amalan perbankan Islam ini juga menunjukkan perkembangan ajaran agama Islam di negara ini semakin teguh dan mampan di samping beridentitikan 'negara zikir' yang akan kekal dan dipraktikkan oleh semua lapisan masyarakat sehingga ke akhir zaman. Dengan kajian ini sudah menunjukkan bahawa masyarakat Brunei saling menyokong dan bersatu-padu antara satu dengan yang lain dalam pembangunan ekonomi dan ikatan persaudaraan walaupun berlainan agama dan bangsa. Ini juga membuktikan bahawa konsep wasatiyyah yang dilaksanakan dalam pelbagai bidang disokong sepenuhnya oleh masyarakat Brunei.

Selain itu juga, konsep Islam wasatiyyah juga dipraktikkan pada tahun 1955 iaitu kerajaan negara memberi bantuan kewangan khususnya kepada warga emas yang telah mewujudkan jaringan keselamatan sosial atau *social safety net* melalui pemberian Skim Pencen Umur Tua kepada rakyat dan penduduk tetap negara yang berumur 60 tahun ke atas mengikut Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya 1954. Skim ini bukan sahaja untuk menghargai dan memuliakan warga emas di negara ini tetapi sedikit sebanyak juga dapat membantu warga emas menyara keperluan sehari-hari mereka dan menjalani kehidupan yang bermaruah.

Dalam pada itu, bagi warga emas yang tegolong sebagai orang susah juga dipertimbangkan untuk menerima Bantuan Kebajikan Bulanan, di samping Pencen Umur Tua.

Pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1427 Hijriah/2006 Masihi, KDYMM bertitah:

"Mereka itu dikenang, dan akan terus dikenang. Kerana di antara sekian ramai warga tua itu, tentu sahaja terdapat sekian ramai pula mereka yang berjasa kepada negara".

"Negara tidaklah pernah merasa rugi atau kekurangan dengan pengurniaan pence ini, malah sebaliknya menjadi sumber berkat memantapkan lagi kemakmuran negara".

Kerajaan KDYMM melalui Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya telah memperkenalkan pembayaran pencen tua kepada rakyat dan penduduk negara ini yang mana kadar pembayaran pencen umur tua bermula sebanyak BND20 pada tahun 1955 dan kadar tersebut meningkat dari setahun ke setahun hingga sekarang ini sebanyak BND250 setiap seorang. Peruntukan pembayaran pencen umur tua bagi memastikan golongan warga emas sentiasa mendapat pemeliharaan yang secukupnya daripada pihak kerajaan.

4.4 Sosio budaya dan Kemasyarakatan

Masyarakat Brunei dikenali dengan masyarakat yang kuat dengan amalan beragama. Bersabit daripada itu, semua aspek kehidupan masyarakat akan melambangkan dan bercirikan keagamaan. Oleh itu, kerajaan dan masyarakat tidak akan membelakangkan agama dalam apa juga aktiviti yang menjurus kepada hal ehwal kemasyarakatan.

Perkara-perkara yang dimaksudkan itu adalah seperti berikut;

4.4.1 Penutupan Semua Premis Perniagaan Ketika Sembahyang Jumaat;

Hasrat Raja untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir dan mengutamakan aspek-aspek keagamaan dan amalan beragama, maka Kerajaan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negara, telah mengeluarkan arahan supaya semua premis perniagaan dan pejabat, pusat-pusat rekreasi dan sukan, termasuk pawagam dan padang permainan, gerai/tamu, pasar dan gedung-gedung perniagaan di bawah kawalan Jabatan-Jabatan Daerah dan Lembaga Bandaran hendaklah ditutup pada setiap hari Jumaat mulai jam 12.00 tengah hari hingga jam 2 petang. Arahan penutupan ini berkuatkuasa mulai hari Jumaat 2 November 2012.

4.4.2 Permohonan Mendirikan Kelab Malam;

Permohonan bagi mendirikan kelab malam telah dibuat dalam tahun 1967. Ketika itu, Jabatan Hal Ehwal Ugama telah dipohonkan pandangan daripada Lembaga Bandaran mengenai permohonan berkenaan. Berdasarkan Fatwa Mufti Kerajaan, permohonan tersebut tidak dipertimbangkan sebagaimana Fatwa Mufti Kerajaan menyebutkan;

"Oleh kerana negara ini Islam dan hampir-hampir semua penduduknya Islam dan dalam Undang-Undang Agama No. 20 1955 pun menegah pelacur dan merogol, arak dan seumpamanya dari umat Islam, dan tugas Jabatan Agama pun menahan maksiat dan keruntuhan akhlak dan menguat dan meninggikan Islam, maka wajiblah Jabatan Agama menahan dengan kuatnya apa juar yang melawan dan menentang dan

memperolokan Jabatan Agama dan tugasnya (amr makruf dan nahy mungkar) ialah kewajipan raja dan wakil raja dan tiap-tiap orang Islam mengikut kedudukannya masing-masing”

Alhamdulillah, sehingga kini, kelab malam tidak pernah wujud di Negara Brunei Darussalam. Begitu juga dengan rumah-rumah atau kedai-kedai judi.

4.4.3 Pengharaman Arak;

Tindakan kerajaan dalam membentras minuman yang memabukkan seperti arak, telah mengharmonikan masyarakat ke arah hidup yang lebih Islamik. Tindakan yang dimaksudkan ialah pengharaman arak di Negara Brunei Darussalam. Sebagai Negara yang berfalsafahkan Melayu Islam Beraja, kerajaan telah mengharamkan kemasukan dan penjualan arak di Negara Brunei. Langkah ini adalah langkah bijak dan wajib disyukuri di atas kebijaksanaan kerajaan yang telah mengambil langkah untuk mencegah kemasukan semua jenis minuman keras (arak) dan mengharamkan semua urusan niaga berkaitan arak sama ada menjual, mengedar, mempamerkan dan menghidangkan arak.

Begitu juga pengharaman zon khas jual beli arak bagi pelancong bukan Islam di Negara Brunei. Walau bagaimanapun, pengharaman arak tersebut dibuat secara berperingkat-peringkat;

- i. Pengharamannya dalam majlis-majlis jamuan rasmi;
- ii. Pengharaman menghidangkannya dalam pesawat Penerbangan Diraja Brunei bermula 30 November 1988;
- iii. Pengharaman di kelab-kelab Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Polis Diraja Brunei pada 31 Julai 1990;
- iv. Pengharaman arak secara total (menyeluruh) berkuatkuasa pada 1 Disember 1990.

Kesemua ini dilakukan adalah demi mengelak sesuatu yang buruk berlaku. Ini sudah dikatakan satu budaya yang berteraskan Islam dan mempunyai prinsip yang berdisiplin dan sangat bernilai di sisi agama dan undang-undang.

Dalam pembangunan negara, Brunei Darussalam tidak hanya terumpu pada aspek fizikal tetapi meliputi aspek kerohanian dengan menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan pekerjaan baik sektor awam dan swasta. Di samping itu perkara ini sangat berkait dengan aspek budaya dalam 'Beraja'. Ini kerana, penerapan nilai-nilai Islam itu dijadikan peranan bagi 'Melayu' dan 'Beraja'.

4.4.4 Larangan Merokok;

Dalam usaha untuk menyedarkan masyarakat tentang bahaya rokok dan merokok, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah pun mengisytiharkan semenjak tahun 1994 lagi, bahawa semua bangunan-bangunan kementerian dan jabatan-jabatan

kerajaan adalah sebagai tempat ditegah merokok. Penguatkuasaan larangan tersebut termasuklah juga premis-premis dan bangunan-bangunan seperti masjid, kantin, dewan serbaguna, pusat kesihatan dan sebagainya. Begitu juga, dengan berkuatkuasanya Perintah Tembakau 2005, tempat-tempat tegahan merokok juga diperluaskan dan dilaratkan ke semua kawasan di dalam sesebuah institusi pendidikan dan institusi pendidikan tinggi dan juga ke semua premis atau bangunan yang digunakan bagi maksud perdagangan, restoran, kafe internatif, taman peranginan dan sebagainya. Bukan setakat itu, mana-mana kenderaan atau jenis kenderaan perkhidmatan awam seperti bas-bas awam dan teksi-teksi, turut tidak dibenarkan merokok di dalamnya.

Menurut fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam buku yang bertajuk 'Rokok dan Merokok' ada menjelaskan seperti berikut:

"Islam sebagai agama sejahtera, agama yang sangat menghargai nyawa dan mementingkan kesihatan, keafiatan, kecergasan dan kekuatan bagi beribadat kepada Allah *Subhanahu Wata 'ala*, telah menyediakan kawalan-kawalan yang boleh menjamin dan memelihara semua itu melalui hukum halal haramnya. Ia telah menetapkan satu kaedah menolak mudarat. Jika suatu benda itu nyata mendatangkan mudarat, kerosakan dan kebinasaan, maka memakannya termasuk menghisapnya hukumnya haram."

5.0 Penutup

Secara keseluruhan perbahasan mengenai Islam Wasatiyyah pengamalannya di Negara Brunei Darussalam bukanlah satu perbahasan yang baru, malah kewujudan Islam Wasatiyyah di negara ini sudah lama bertapak dan diamalkan oleh masyarakat Brunei sendiri. Perlembagaan Negara Brunei 1959 juga menyatakan terhadap kebebasan kepada agama lain untuk diamalkan secara aman dan sempurna oleh pemeluknya selain ugama Islam sebagai ugama resmi bagi Negara Brunei Darussalam yang berpegang kepada ajaran Ahli Sunnah Waljama'ah dengan bermazhabkan Syafi'i. Penghayatan falsafah MIB mampu merealisasikan sebuah 'Negara Zikir' yang masyarakatnya sentiasa mengingati dan mengagungkan Allah dalam semua keadaan dan sekali gus menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Islam dan isinya menjadi 'Baladatun Tayyibatu wa Rabbun Ghafur'; negara makmur yang mendapat keampunan Allah. Selain itu, konsep Islam wasatiyyah juga diaplikasikan dalam pelbagai bidang dalam kehidupan bermasyarakat di Brunei seperti keagamaan, pendidikan, pembangunan dan ekonomi, kemasyarakatan dan sosio budaya dan lain-lain lagi yang mana elemen-elemen ini bertujuan bagi mempertahankan agama Islam yang sememangnya mempunyai prinsip yang berdisiplin dan sangat bernilai di sisi agama dan undang-undang di samping bagi kemakmuran dan kemaslahatan keseluruhan masyarakat Brunei Darussalam.

6.0 Bahan Rujukan

- Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani (2015), *Ekstremisme dan Wasatiyyah Dari Kaca Mata Islam*, Nadwah Shafi'iyyah, 13 Mei 2015, UNISSA.
- Haji Mahayudin Haji Yahya (Prof Dr) (2014), "MIB": *Misi global Ke Arah Negara Zikir Berdasarkan Teori 'Umran*, Bandar Seri Begawan: Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam.
- Haji Mohd. Amin Haji Abdul Rahim (2012), *Perkembangan Dakwah di Negara Brunei Darussalam*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam.
- Pg Dr Haji Mohammad Pg Haji Abd.Rahman (Dato Seri Setia) (2007), *Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam.
- Pg Dr Haji Mohammad Pg Haji Abd.Rahman (Dato Seri Setia) (2005), *Islam Di Brunei Darussalam*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam.
- Mohd. Zain bin Haji Serudin(Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz) (1998), *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam.
- Negara Zikir, Pemahaman NDP, Bahagian II – *Konsep Negara Zikir*.
- Zurairatul Zakiah binti Dato Seri Setia Haji Rajid (2015), *Dasar Bahasa dan Pendidikan Negara Zikir*.

Disediakan Oleh:

Dr Azme bin Haji Matali

Dekan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Negara Brunei Darussalam.